

**Pulau Pinang Catat Seramai 194,197 Orang Penerima BR1M
Bernama
1 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Kerajaan pusat membelanjakan kira-kira RM97 juta untuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) di Pulau Pinang membabitkan seramai 194,197 penerima di 13 kawasan Parlimen.

Menurut maklumat daripada Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) Pulau Pinang, pengagihan BR1M yang telah memasuki fasa keempat menyaksikan Parlimen Bukit Mertajam mencatatkan jumlah penerima bantuan paling tinggi iaitu 23,547 orang diikuti Parlimen Bayan Baru iaitu 17,775 orang.

Parlimen Nibong Tebal pula 17,175 orang, Balik Pulau (16,648 orang), Jelutong (16,590 orang), Bukit Gelugor (16,123 orang), Kepala Batas (15,694 orang).

Parlimen Batu Kawan pula mencatatkan jumlah penerima BR1M 13,781 orang, Permatang Pauh (12,955 orang), Bagan (12,927 orang), Tasek Gelugor (12,549 orang), Bukit Bendera (10,785 orang) dan Tanjong seramai 7,648 penerima BR1M.

Bagi fasa pertama pengagihan BR1M, 44,830 rakyat negeri Pulau Mutiara itu layak menerima bantuan tersebut manakala fasa kedua 53,081 orang penerima.

Bagi fasa ketiga dan keempat pengagihan BR1M, masing-masing seramai 57,953 dan 38,332 orang layak menerimanya.

Ketua Penerangan Umno Pulau Pinang Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata dengan jumlah penerima yang sebanyak itu, maka rakyat Pulau Pinang harus bersyukur memiliki kerajaan pusat yang prihatin dengan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat.

"Rakyat juga harus sedar bahawa bantuan ini adalah bantuan yang bermusim. BR1M adalah bantuan kerajaan pusat kepada rakyatnya yang layak iaitu mereka yang berpendapatan di bawah RM3,000.

"Kerajaan Barisan Nasional sentiasa sedaya upaya membantu seluruh rakyatnya yang kurang berkemampuan dan apa yang dikata akan dikotakan. Janji ditepati," katanya ketika dihubungi Bernama.

Anggota Dewan Undangan Negeri Telok Bahang itu juga berpendapat dengan jumlah penerima seramai 194,197 orang itu, berkemungkinan besar kerajaan negeri di bawah DAP tidak berbuat apa-apa untuk memperbaiki ekonomi rakyatnya.

"Saya tidak pasti sama ada kerajaan negeri benar-benar mahu tangani isu kemiskinan ini atau tidak. Jangan hanya tahu beretorik," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684710>

